

OTEK-P EAR DROPS

Lignocaine Hydrochloride / Polymyxin B Sulphate / Acetic Acid / Propylene Glycol (2% w/v / 10000 Unit / 2% w/v / 0.1% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Otek-P ear drops
2. Bagaimana Otek-P ear drops berfungsi
3. Sebelum menggunakan Otek-P ear drops
4. Cara menggunakan Otek-P ear drops
5. Semasa menggunakan Otek-P ear drops
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Otek-P ear drops
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Otek-P ear drops

Otek-P ear drops digunakan untuk merawat masalah yang berkaitan dengan telinga seperti lelehan berterusan dari telinga, jangkitan bakteria yang berterusan dalam telinga, keradangan atau jangkitan dalam *canal* telinga, dan juga untuk rawatan selepas pembedahan untuk telinga.

Bagaimana Otek-P ear drops berfungsi
Otek P ear drops bertindak sebagai antibakteria and anti-kulat yang mengurangkan keradangan dan bengkak dan melegakan kesan-sesan jangkitan telinga. Selepas digunakan, Otek-P ear drops mengurangkan bengkak dan kegatalan. Otek-P ear drops berkesan terhadap bakteria yang biasa menjangkiti telinga. Otek-P ear drops bertindak secara luaran dan sesuai untuk individu yang mempunyai masalah telinga berlubang.

Sebelum menggunakan Otek-P ear drops

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Otek-P ear drops jika:

- Anda alergi (hipersensitif) terhadap apa apa bahan dalam ubat ini.

- Sebelum menggunakan Otek-P ear drops

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda jika anda menggunakan sebarang titisan telinga yang lain.

Kehamilan dan menyusuan

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung atau menyusu.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda jika anda baru-baru ini mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat-ubatan yang diperoleh tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Otek-P ear drops

Ubat ini hanya perlu digunakan di telinga sahaja.

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk Dewasa, kanak-kanak & orang tua:

Masukkan 4 hingga 5 titik pada telinga yang terjejas tiga hingga empat kali sehari selepas makan.

Teruskan menggunakan Otek-P ear drops seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Bila perlu digunakan

Sentiasa gunakan Otek-P ear drops tepat seperti yang disuruh oleh doktor anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi mengenai tempoh rawatan.

- Jika terlupa menggunakan

Sekiranya anda terlupa dos, masukkan sedikit sebanyak sebaik sahaja anda ingat. Walau bagaimanapun, jika hampir masa untuk dos seterusnya, langkau dos yang telah terlepas. Jangan menggandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Otek-P ear drops adalah untuk kegunaan luaran sahaja. Jangan bimbang jika anda menggunakan terlalu banyak Otek-P ear drops. Hanya lapkan lebihan yang

terkeluar dari telinga dengan tisu. Tiada simptom *overdos* dilaporkan.

Semasa menggunakan Otek-P ear drops

- Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bersedia untuk memulakan penggunaan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang menggunakan Otek-P ear drops.

Sentiasa letakkan semula penutup pada botol sebaik sahaja anda menggunakanannya.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan lebih daripada dos yang disarankan melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

Jangan gunakan selepas tarikh luput yang ditunjukkan pada botol dan kadbot. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan itu.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Hentikan penggunaan jika berlaku kerengsaan atau sebarang symptom sensitiviti berlaku.

Kesan-sesan sampingan Otek-P ear drops

Seperti semua ubat, Otek-P ear drops boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mengalaminya. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami simptom berikut selepas mengambil ubat ini kerana simptom ini boleh memudaratkan.

- Hilang pendengaran dengan penggunaan jangka Panjang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting

Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines).

Penyimpanan dan pelupusan Otek-P ear drops

- penyimpanan

Simpan di bawah 30°C di tempat yang sejuk dan kering

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Otek-P ear drops adalah larutan yang jernih dan tidak berwarna.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Acetic acid, Polymyxin B Sulphate, Propylene Glycol, Lignocaine Hydrochloride

- Bahan tidak aktif

Benzalkonium Chloride, Phenyl Mercuric Nitrate RMS 135, Water for Injection.

- Nombor MAL:

MAL19871130AZ

Pengilang

FDC Limited
B-8, MIDC Waluj
Aurangabad 431 136
India

Pemegang Pendaftaran Produk

Unimed Sdn Bhd
53, Jalan Tembaga SD 5/2B,
Bandar Sri Damansara,
52200, Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

13/04/2018

Nombor Siri

NPRA(R4/1)120418/00107